



Assalamualaikum warahmatullah and salam sejahtera.

Selamat Datang ke Portal Pusat Kawalan SMART.

SMART telah dihasilkan sebagai satu penyelesaian inovatif bagi mengurangkan ancaman banjir yang dialami Kuala Lumpur setiap tahun. Ia dibina atas kesedaran bahawa trend kekerapan banjir semakin meningkat. Semenjak mula beroperasi pada tahun 2007, Pusat Kawalan SMART telah mengaktifkan pelencongan air banjir sebanyak lebih 200 kali bagi mengawal paras air sungai.

Dalam tahun 2012, pusat ini telah menangani tiga situasi Mode 4 yang mana jumlah air yang dilencongkan bagi setiap satu insiden berpotensi menenggelamkan pusat bandar.

Setiap satu kejadian Mode 4 membawa pengajaran dan melebarkan pengalaman kami dalam mengendalikan sistem pengurusan banjir yang kini telah menjadi ikon kejuruteraan negara.

Sementara Pusat Kawalan SMART berusaha mengurangkan risiko banjir, ia juga menghadapi masalah sampah dalam sungai dan berusaha membersihkannya. Setiap insiden hujan lebat membawa aliran sungai yang penuh dengan sampah dan bertan-tan sampah telah berjaya disekat oleh sistem pengumpulan sampah SMART.

Kerajaan dapat menjimatkan banyak wang jika rakyat lebih perihatin dan tidak membuang sampah sewenang-wenangnya ke dalam sungai.

Pihak Pusat Kawalan SMART akan terus memainkan peranan dalam membersihkan sungai disamping kerja utama kami iaitu melencongkan air banjir.

Sekian, terima kasih.

Ir Amiruddin b Alaldin

Pengarah